

CNS6073

U PB 30-10 00183 BA103

AAB

Ghafar - Jawatan

GHAFAR LETAK JAWATAN SEBAGAI TIMBALAN PRESIDEN UMNO

KUALA LUMPUR, 30 Okt (Bernama) -- Bekas Timbalan Perdana Menteri, Encik Ghafar Baba hari ini mengemukakan surat perletakan jawatannya sebagai Timbalan Presiden UMNO berkuatkuasa Isnin ini (1 Nov).

Surat itu, yang dialamatkan kepada Presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad diserahkan kepada Ketua Setiausaha Sulit Dr Mahathir, Datuk Abdul Aziz Ismail di pejabat Perdana Menteri di sini pada pukul 1.05 tengah hari ini.

Pegawai khas Ghafar, Haji Abdul Rahman Yuus menyampaikan surat itu bagi pihak Ghafar.

Abdul Rahman pada persidangan akhbar selepas itu berkata, dengan surat perletakan jawatan itu, Ghafar tidak akan merasmikan Perhimpunan Pemuda dan Wanita UMNO pada 3 Nov ini, dan juga tidak akan menghadiri Perhimpunan Agung UMNO yang akan bermula pada 4 Nov ini di Pusat Dagangan Dunia Putra.

Sebelum itu, pada persidangan akhbar berasingan di sini, hari ini, Setiausaha Agung UMNO Datuk Mohamed Rahmat mengumumkan, perhimpunan agung Pergerakan Pemuda akan dirasmikan ketuanya, Datuk Seri Najib Tun Razak manakala Pergerakan Wanita oleh ketuanya Datuk Seri Rafidah Aziz. -- Lagi.

▼30/10/15-20MST

CNS6079

U PB 30-10 00141 BA104

AAB

Ghafar - Jawatan 2 Kuala Lumpur

Abdul Rahman berkata, beliau akan fakskan surat perletakan jawatan Ghafar kepada Mohamed hari ini juga.

Katanya, Ghafar membuat keputusan untuk melepaskan jawatannya itu pada pukul 11.30 pagi ini di rumahnya, dan beliau (Rahman) dimaklumkan Ghafar untuk menyerahkan surat itu kepada Dr Mahathir.

Walaupun Ghafar telah meletakkan jawatannya dalam UMNO, beliau masih kekal sebagai anggota UMNO, katanya.

Ghafar memegang jawatan Timbalan Presiden selepas mengalahkan Datuk Musa Hitam dengan majoriti 40 undi pada perhimpunan agung parti 24 April, 1987.

Apabila ditanya mengenai jawatan Ghafar sebagai Ketua Perhubungan UMNO Wilayah Persekutuan, Abdul Rahman berkata; "Ghafar mungkin terlupa untuk membincanginya."

Beliau berkata, dengan perletakan jawatan itu Ghafar akan mengambil peluang untuk berehat, tetapi beliau (Rahman) tidak tahu sama ada Ghafar akan keluar negara atau tidak. -- Lagi.

▼30/10/15-30MST

CNS6087

U PB 30-10 00131 BA105

AAB

Ghafar - Jawatan 3 (Akhir) Kuala Lumpur

Abdul Rahman juga berkata, Ghafar akan mengekalkan kerusinya sebagai anggota Parlimen kawasan Jasin, Melaka.

Pada 15 Okt lepas, Ghafar telah meletakkan jawatannya sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Luar Bandar. Sebelum itu, pada 30 Sept beliau meletakkan jawatan sebagai Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Sabah dan pada 25 Okt pula beliau meletakkan jawatan sebagai Setiausaha Agung Barisan Nasional.

Ghafar, pada 21 Okt, juga telah menarik diri dari mempertahankan jawatan Timbalan Presiden UMNO setelah memperolehi hanya tujuh pencalonan, berbanding pencabarnya Datuk Seri Anwar Ibrahim yang memperolehi 145 pencalonan.

Abdul Rahman apabila diminta pemberita untuk mendapat salinan surat perletakan jawatan Ghafar berkata: "Tidak payahlah. Surat itu akan menjadi bahan sejarah." -- Bernama.

ROI AM KAM.

▼30/10/15-39MST

CNS6213

U PB 30-10 00069 BA116

AAB

Ghafar - Jawatan 4 Kuala Lumpur (Sambungan Berita)

Para pemberita, yang pergi ke rumah Ghafar di Bangsar petang ini, tidak dapat berjumpa beliau setelah diberitahu seorang anggota keluarganya bahawa Ghafar sedang berehat.

Menurutnya, Ghafar telah menyatakan bahawa beliau tidak mahu menemui pemberita.

Adalah difahamkan bahawa Ghafar dan keluarganya akan bercuti ke Jakarta, Isnin ini. -- Bernama.

AZZ AH KAM.

▼30/10/17-52MST